

08 MAY 2002

MIC-Perlembagaan/I

TIGA KRITERIA BAGI ANGGOTA MIC BERTANDING JAWATAN PRESIDEN

Oleh: S.Retnanathan

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Anggota MIC yang mahu mencuba peluang merebut takhta presiden parti, perlu terlebih dahulu memenuhi tiga kriteria untuk melayakkan diri di bawah cadangan pindaan perlembagaan parti itu yang akan dibentangkan pada perhimpunan agung 18 Mei ini.

Pertamanya beliau mestilah seorang anggota parti sekurang-kurangnya 10 tahun, menjadi pengerusi cawangan, dan yang paling penting dan sukar adalah beliau perlu mendapatkan 300 pengerusi cawangan yang lain untuk menandatangani kertas pencalonannya bagi jawatan presiden.

Ini merupakan tiga syarat utama untuk dipenuhi mana-mana anggota yang berhasrat bertanding jawatan tertinggi parti itu apabila MIC meminda Seksyen 58 perlembagaannya pada perhimpunan agung parti itu selama dua hari di Shah Alam, Selangor.

Ketua jawatankuasa pindaan perlembagaan MIC Tan Sri M. Mahalingam semasa mendedahkan perkara itu berkata sokongan daripada 300 ketua cawangan itu mengambil kira bahawa mereka yang berhasrat bertanding jawatan presiden memerlukan 50 pencalonan untuk melayakkan diri.

Setiap pencalonan itu perlu ditandatangani oleh enam pengerusi cawangan MIC (seorang pencadang dan lima penyokong) dan tidak perlu seorang yang cerdik untuk menjumlahkan bahawa daripada 50 pencalonan itu, bermakna seorang bakal calon memerlukan 300 pengerusi cawangan untuk menyokongnya.

"Jika anda mengambilkira 4,500 pengerusi cawangan (jumlah keseluruhan cawangan MIC) berbanding 300 tandatangan yang diperlukan, saya boleh katakan ia tidak banyak, malahan tidak sampai 10 peratus pun.

"Kami menetapkan keperluan 50 pencalonan kerana kami tidak mahu sistem itu disalahgunakan dan tambahan pula jika seorang pengerusi cawangan boleh mendapatkan 300 tandatangan, maka beliau boleh dianggap seorang pemimpin dan layak diberi peluang bertanding bagi jawatan presiden," katanya kepada Bernama dalam satu temuramah di sini.

Mahalingam berkata dengan pindaan perlembagaan itu, 4,500 pengerusi cawangan MIC juga akan diberi peluang mengundi bagi memilih pemimpin tertinggi parti itu.

Mengenai perlunya bagi seorang pengerusi cawangan menjadi anggota selama 10 tahun, beliau berkata syarat itu bagi memastikan calon berkenaan bukan orang baru dalam parti "yang semata-mata mahu membuat cabaran bagi memastikan ada pertandingan atau beliau tidak sukakan Samy Vellu (presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu)".

Beliau berkata selepas pindaan itu, yang akan berkuatkuasa tahun depan iaitu tahun pemilihan parti, pemilihan bagi jawatan presiden akan diadakan tiga bulan sebelum perhimpunan agung MIC.

"Apabila pemilihan presiden diadakan sebelum AGM (mesyuarat agung), ia akan memberikan presiden yang dilantik mandat baru pada AGM itu...ini sebabnya kenapa kami mengadakan pemilihan presiden lebih awal daripada perhimpunan," katanya.

Mahalingam juga berkata pemilihan presiden akan dikendalikan oleh satu jawatankuasa pemandu, terdiri daripada anggota jawatankuasa kerja pusat MIC, yang dipandu oleh undang-undang kecil pemilihan parti.

Perhimpunan agung tahun ini adalah berbeza kerana pembentangan resolusi, pengedaran laporan tahunan dan pindaan perlembagaan akan diadakan pada hari pertama sementara perbahasan mengenai ucapan presiden akan diadakan pada 19 Mei.

Perubahan itu bagi memastikan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi Barisan Nasional ke perhimpunan agung itu, di Bangunan Sekretariat Negeri Selangor di Shah Alam.

Dr Mahathir, yang dijadual merasmikan perhimpunan agung itu pada hari kedua, hanya akan kembali ke tanah air pada 18 Mei daripada lawatan rasminya ke Amerika Syarikat.

Pada awal penubuhan MIC, parti politik terbesar kaum India di negara ini, ia membenarkan semua anggota parti memilih pemimpin mereka.

Bagaimanapun peraturan itu ditukar pada 1960an apabila kepimpinan parti membenarkan hanya anggota jawatankuasa cawangan MIC untuk memilih presiden.

Sistem itu turut dimansuhkan selepas didapati ia banyak mengambil masa, dan telah disalahgunakan oleh sesetengah cawangan apabila pengerusi cawangan akan menentukan terlebih dahulu siapa yang akan dipilih oleh anggota jawatankuasanya yang lain.

MIC kemudian membuat keputusan membenarkan hanya pemimpin bahagian yang dilantik untuk memilih presiden parti dan ia menjadi amalan selama sedekad yang lepas.

Ditanya kenapa parti itu mahu membuat satu perubahan drastik sekarang, Mahalingam berkata kepimpinan yang ada merasakan para pemimpin di peringkat bawahan telah menjadi terlalu jauh daripada presiden.

"Perubahan ini tidak melibatkan agenda politik, ia hanya satu cara untuk merapatkan Samy Vellu kepada para pemimpin parti dan baginya mendengar sendiri sungutan mereka," katanya.

Mahalingam berkata pindaan perlembagaan yang melibatkan pemilihan presiden itu merupakan satu-satunya cadangan pindaan yang akan dibentangkan pada perhimpunan agung tahun ini kerana jawatankuasa kerja pusat MIC membuat keputusan tidak mahu mengadakan banyak perubahan kepada peraturan parti secara serentak.

-- BERNAMA

SR AHH RON